

02/01/1997

Tugas berat tahun baru

Halmi Samad

TANGGAL 2 Januari 1997 - genap dua hari musim suram 1996 ditinggalkan. Tidak banyak yang boleh dibanggakan kalau mahu menyebut senarai kejayaan sepanjang 1996.

Kecuali pencapaian Rashid Sidek dan pasangan beregu, Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock dalam Sukan Olimpik, ratu boling negara, Shalin Zulkifli dan skuad bola sepak negara di Kejohanan Piala Tiger di Kota Singa, mutu Malaysia secara keseluruhan sepanjang 1996 sememangnya lesu.

Apa pun 1996 sudah jadi sejarah. Paling penting mulai detik ini, di dalam perencanaan atlit-atlit negara sudah dilakar strategi mapan untuk menebus kehampaan silam lantas mencipta kejayaan manis dalam 1997.

Buat permulaan, seharusnya atlit-atlit negara merenung sedalam-dalam iltizam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jelas, ada pengajaran yang boleh dikutip daripada keazaman Perdana Menteri untuk mengangkat martabat sukan Malaysia di kaca mata dunia.

Bertitik tolak daripada kalimah 'Malaysia Boleh', Dr Mahathir mengorak langkah paling positif dengan menaja pasukan Formula Satu (F1) milik juara dunia tiga kali, Jackie Stewart dengan nilai tajaan puluhan juta ringgit. Inilah kali pertama dalam sejarah perlumbaan F1, sesuatu pasukan ditaja oleh sebuah negara.

Dan, Malaysia - negara yang menaja pasukan Jackie Stewart bukan sembarangan negara. Keteguhan ekonomi, kestabilan politik dan kewarasan caturan politik pemimpin negara sememangnya dicemburui dunia.

Bukan susah untuk menilai maksud yang tersirat di sebalik tindakan Perdana Menteri itu. Selain mahu mempopularkan Malaysia di kaca mata dunia, penajaan itu bolehlah disifatkan usaha awal dalam merealisasikan kejayaan menganjurkan perlumbaan F1 di bumi sendiri pada 1999.

Dengan kontraktor utama sudah dipilih untuk pembinaan litar perlumbaan berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, penajaan pasukan F1 Jackie Stewart kena pada masanya untuk memberi exposure awal kepada Malaysia.

Namun mungkin ada yang menyoal apa kena mengena komitmen Dr Mahathir dengan kepentingan ahli sukan di negara. Sebenarnya, yang perlu dikutip ialah elemen-elemen murni di dalam jiwa Perdana Menteri lantas diadaptasikan di dalam jiwa dan semangat juang atlit-atlit Malaysia untuk terus berjaya.

Kepada atlit-atlit negara, contohi iltizam Dr Mahathir yang tiada galang gantinya itu. Mungkin nasihat cukup sesuai kalau ditunjukkan kepada skuad bola sepak kebangsaan yang akan mengharungi tiga kejohanan utama tahun ini. Selaku sukan Nombor Satu di Malaysia, bola sepak mempunyai jutaan pengikut tersendiri.

Apa saja perubahan yang berlaku kepada skuad kebangsaan sememangnya pantas mendapat pujian dan kecaman di kalangan peminat-peminat setia. Tidak hairanlah sesudah muncul naib juara dalam Kejohanan Piala Tiger di Kota Singa tahun lalu, umum terus menuntut kejayaan yang lebih gemilang.

Kejohanan Piala Dunhill 21 Februari-2 Mac ini bakal melontarkan ujian pertama buat skuad Malaysia. Lawan yang menanti pula bukan calang-calang. Dengan dijanjikan penyertaan skuad kebangsaan Finland, Bosnia-Herzegovina, Zimbabwe, Singapura; Indonesia, Vietnam dan China, laluan Malaysia selaku tuan rumah pasti getir.

Andainya jurulatih kebangsaan, Wan Jamak Hassan dapat menjelmakan sentuhan emasnya dalam Kejohanan Piala Dunhill, 14 hari kemudian satu

lagi tugas berat menanti anak buahnya.

Diletakkan satu kandang bersama juara Piala Asia - Arab Saudi, Taiwan dan Bangladesh, Malaysia akan mengatur perhitungan dalam pusingan kelayakan Pra-Piala Dunia Zon Satu bermula 16-31 Mac ini.

Klimaks perjuangan Malaysia dalam bola sepak jelas menuntut satu perjuangan yang lebih kental daripada Kejohanan Piala Dunhill mahu pun pusingan kelayakan Pra-Piala Dunia. Sesudah menangkis serangan Nigeria, Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) akhirnya memutuskan final Piala Dunia Remaja 1997 tetap diadakan di Malaysia.

Bagi naib juara dunia, Shalin Zulkifli pula, rentak hayunan emas bakal diuji lagi sepanjang 1997. Sesudah dikecewakan dalam step-ladder di Ireland angkara kehebatan Honey Christchurch dari Australia, Shalin harus mengotakan janjinya untuk menebus kehampaan itu sebaik-baiknya di Terbuka Antarabangsa Malaysia ke-21 pada 4-15 Mac.

Selepas kejohanan berkenaan, musim luruh dalam bulan April di kota Beijing akan menjadi medan saksi betapa reputasi hebat

Shalin dan rakan-rakannya bukan mudah disaingi bowler dari rantau Asia lain dalam Kejohanan Bowling Tenpin Timur Jauh ke-14.

Kalau Shalin dan rakan-rakan mampu mengharungi ranjau itu, aksi saingan akan berterusan di kota Manila apabila mereka bertanding dalam Kejohanan Remaja Asia FIQ ke-9 pada 6-12 Julai.

Kewibawaan Shalin sekali lagi jadi penentu maruah Malaysia dalam Sukan Sea di Jakarta pada 11-19 Oktober. Andainya di Chiangmai hayunan skuad Malaysia menelurkan tiga emas, buruan negara kali ini mesti lebih lumayan.

Komitmen dan pengorbanan total adalah jawapan terbaik untuk pemain-pemain badminton negara kalau berhajat mengharumkan nama Malaysia sekaligus menangkis semangat juang menggila dipamerkan lawan dari Indonesia, China, Korea Selatan dan Denmark.

Selain itu, pelbagai peraturan dikenakan jangan pula terus merobohkan tembok semangat pemain-pemain Nusa Mahsuri. Sebaliknya mereka harus cepat menyesuaikan diri dengan tembok sekatan itu.

Kini, di tangan Misbun Sidek dan adik-adiknya terhimpun sekelompok pemain-pemain terbaik negara.

Kerana itu, kem Nusa Mahsuri jangan cepat melatah andai Persatuan Badminton Negara (BAM) terus mengasah kuku tajam untuk mencakar lawan mahu pun kawan.

Sebaliknya susun strategi mampan untuk kembali menebus kehampaan sekaligus merintis laluan awal untuk membawa pulang Piala Thomas yang terlepas daripada genggamannya angkara kejaguan skuad kebangsaan Indonesia. Mungkin buat permulaan langkah kejayaan boleh diatur di Kejohanan All-England 12-16 Mac.

Sesudah itu, pemain-pemain negara boleh memilih sama ada mahu mendominasi Kejohanan Dunia 26 Mei-1 Jun atau pun Sukan Sea di Jakarta pada 11-19 Oktober.

Dalam hal ini, usaha BAM sanggup bergolok bergadai untuk menyakini bekas pemain handalan Denmark, Morten Frost Hansen menabur bakti di bumi Malaysia, selain mahu mengubati sedikit kekecewaan, ia harus dipuji.

Jelas, BAM merindui detik-detik kegemilangan yang pernah dikecapi. Harapan badan induk itu, sentuhan emas Frost bisa mengembalikan zaman cemerlang dunia badminton Malaysia.

Sesudah dikejutkan dengan kontroversi demi kontroversi, sukar untuk membayangkan zaman gemilang dunia olahraga Malaysia tahun ini. Tanpa saingan hebat, mungkin prestasi Watson Nyambek boleh menurun. Sesudah perjuangan musuh ketatnya, Azmi Ibrahim berkubur angkara kebodohan meminta ihsan diuretic furosemide, The Flying Dayak kini seseorang mencongak masa terbaik dalam acara 100 meter.

Menoleh ke kiri dan kanan, perlu diakui sukar untuk mencari atir

bertaraf dunia mahu pun komanwel dalam kem olahraga negara. Herman Majid yang diharap-harapkan terus lesu ibarat bunga layu sebelum mekar.

Sudahlah tugas melahirkan jaguh handalan sukar direalitikan, Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) sekali terjerut dengan permasalahan paling kronik sesudah Resort World enggan menyalur wang ringgit tanda sokongan Rakan Sukan.

Hoki pula terus mendendangkan lagu-lagu nostalgia 1975. Yang nyata Malaysia masih dicari-cari formula mustajab untuk mengubati kesakitan atau barah yang membelenggu dunia hoki negara.

Janji demi janji yang ditabur Volker Knapp hanya palsu semata-mata. Angan-angan jurulatih Jerman itu cukup besar - mengangkat martabat Malaysia dalam Sukan Olimpik di Atlanta.

Tetapi skuad negara pulang dengan aib apabila sekadar berbangga kedudukan kedua tercorot.

Usaha terakhir memaling ke arah Frank Murray untuk kembali ke landasan keyakinan dalam masa sesingkat mungkin jelas memperjudikan maruah Persatuan Hoki Malaysia (PHM).

Le Tour de Langkawi 1997 (TDL'97) sejauh 1,628 kilometer pula membayangkan betapa senario lumba basikal Malaysia terus naik setingkat lagi.

Selain mahu menyaingi kehebatan Le Tour de France atau Giro d'Italia, PHM mahu membuktikan Malaysia mampu menganjur kejohanan bertaraf dunia, selain memberi peluang anak watan mengutip pengalaman bertarung dengan jaguhan dunia terutama dari Perancis, Switzerland, Britain, Amerika Syarikat atau Itali.

(END)